Penyata Mengenai Kawalan Dalaman

TANGGUNGJAWAB

Lembaga Pengarah ("Lembaga") bertanggung-jawab ke atas sistem kawalan dalaman Kumpulan dan untuk menjalankan penilaian ke atas integriti kawalan serta memastikan ianya memadai. Lembaga telah menetapkan satu proses berterusan untuk mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko-risiko penting yang dihadapi oleh Kumpulan sepanjang tahun kewangan ini. Proses ini kerap kali dikaji oleh Lembaga dan berdasarkan garis panduan kawalan dalaman, Penyata mengenai Kawalan Dalaman -Garis Panduan untuk Para Pengarah Syarikat Tersenarai Awam.

Dalam menetapkan dan mengkaji sistem kawalan dalaman, para Pengarah telah mempertimbangkan keketaraan risiko-risiko berkenaan, kemungkinan kerugian ditanggung dan kos kawalan. Selaras dengan itu, tujuan sistem kawalan dalaman adalah untuk mengurus dan meminimumkan risiko kegagalan untuk mencapai dasar-dasar dan objektif-objektif Kumpulan, bukan untuk melenyapkan terus risiko tersebut, dan hanya boleh memberi jaminan munasabah dan bukan mutlak terhadap risiko salah nyataan ketara atau kerugian.

Pengurusan membantu Lembaga dalam pelaksanaan dasar Lembaga mengenai risiko dan kawalan dengan mengenal pasti dan menilai risiko-risiko yang dihadapi oleh Kumpulan untuk dipertimbangkan oleh Lembaga dan merekabentuk, mengendali dan memantau sistem kawalan dalaman.

Lembaga berpendapat bahawa sistem kawalan dalaman yang ditetapkan untuk tahun ini adalah kukuh dan mencukupi untuk melindungi pelaburan pemegang-pemegang saham dan aset-aset Kumpulan.

PERSEKITARAN KAWALAN DALAMAN DAN PROSES-PROSES UTAMA

Kumpulan telah menerima pakai pendekatan formal dan tersusun dalam pengurusan kawalan dalaman dan risiko, termasuk langkah-langkah yang berikut:

- Lembaga telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Pengarah ("RMCD") untuk membantu dalam pemantauan keseluruhan struktur pengurusan risiko. Pada peringkat eksekutif, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Eksekutif ("ERMC") telah ditubuhkan untuk membantu pihak pengurusan kanan dalam melaksanakan tanggungjawab pengurusan risiko di dalam Kumpulan. Di bahagian teratas ERMC adalah Jawatankuasa Ketua Pegawai Eksekutif ("Jawatankuasa CEO"); dan ERMC lain terdiri daripada Jawatankuasa Risiko Pasaran Dagangan Kumpulan, Jawatankuasa Aset dan Liabiliti Kumpulan, Jawatankuasa Aset dan Liabiliti Islam, Jawatankuasa Pengurusan Portfolio dan Polisi Kredit, Jawatankuasa Peruntukan Kemerosotan Nilai Kumpulan, Jawatankuasa Produk Kumpulan, Jawatankuasa Perniagaan dan Projek IT dan Jawatankuasa Risiko Operasi dan Perundangan Kumpulan. RMCD dan ERMC bertemu secara berkala untuk mengkaji semula, membincangkan dan menangani isu-isu risiko.

- Prinsip, dasar, amalan, metodologi dan prosedur pengurusan risiko tersedia kepada kakitangan di dalam Kumpulan. Ini sering dikemas kini untuk memastikan ia kekal relevan dan mematuhi syarat-syarat berperaturan. Dasar, metodologi dan prosedur dipertingkatkan ketika perlu bagi memenuhi perubahan dalam persekitaran operasi serta membantu menambah baik sistem pengurusan risiko secara berterusan.

- Struktur organisasi direkabentuk untuk menyatakan dengan jelas kebertanggung-jawaban, hierarki pelaporan dan pihak berkuasa untuk membina sistem sekatan imbangan yang sesuai, sepadan dengan keperluan aktiviti perniagaan dan operasi. Ini termasuk pemberian kuasa dan penetapan had kuasa supaya ada pengasingan tugas dan tanggungjawab yang jelas.

- Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan ("AEC") Syarikat dan subsidiari-subsidiari utamanya membantu Lembaga untuk menilai kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman. AEC akan mengkaji semula penyata-penyata kewangan Kumpulan, serta laporan yang dikeluarkan oleh Audit Dalaman Kumpulan, juruaudit luar dan pihak penguasa peraturan dan susulan ke atas tindakan pembetulan untuk menangani isu yang ditimbulkan dalam laporan.

- Audit Dalaman Kumpulan menjalankan audit berasas-risiko yang bebas dan memberikan jaminan bahawa reka bentuk dan operasi rangka kerja risiko dan kawalan di dalam Kumpulan adalah berkesan. AEC mengkaji kerja Jabatan Audit Dalaman Kumpulan, termasuk mengkaji rancangan auditnya, kemajuan dan laporan yang dikeluarkan.

- Fokus Kumpulan adalah untuk mencapai pertumbuhan yang mampan dan menguntungkan dalam rangka kerja pengurusan risikonya. Rancangan perniagaan dan belanjawan tahunan disediakan oleh bahagian perniagaan Kumpulan dan diserahkan kepada Lembaga untuk kelulusan. Prestasi sebenar dikaji berbanding dengan belanjawan bersama dengan penjelasan varians utama secara bulanan, untuk membenarkan tindakbalas dan langkah pembetulan yang sesuai diambil dengan pantas, untuk menangkis risiko.

- Kumpulan memberi penekanan kepada pembangunan sumber manusia dan latihan kerana ia mengiktiraf betapa penting kakitangannya dalam menyumbang kepada pertumbuhannya. Terdapat garis panduan yang sesuai dalam Kumpulan bagi pengambilan kakitangan, kenaikan pangkat dan penilaian prestasi untuk menggalakkan budaya prestasi tinggi dengan memberi ganjaran kepada kakitangan yang berprestasi cemerlang dan memberi kaunseling kepada kakitangan yang tidak begitu baik prestasinya. Pengurusan bakat yang berstruktur dan program latihan dibangunkan untuk memastikan kakitangan dilatih dengan secukupnya dan kompeten dalam menjalankan tanggungjawab mereka dan bagi mengenali pemimpin masa hadapan bagi rancangan penggantian.

- Kod etika telah dirumuskan untuk melindungi dan mempertingkatkan reputasi Kumpulan bagi kejujuran dan ketelusan. Kod Etika adalah berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut: pematuhan undang-undang kedua-dua secara tersurat dan tersirat; mempertahankan reputasi ketelusan di seluruh organisasi; mengelakkan kemungkinan berlakunya konflik kepentingan; memastikan kelengkapan dan ketepatan rekod-rekod yang berkenaan; memastikan layanan adil dan saksama bagi semua pelanggan; mengelakkan penyalahgunaan kuasa dan maklumat dan memastikan kerahsiaan maklumat dan transaksi.

- Kumpulan telah menetapkan dasar dan prosedur untuk memastikan pematuhan dengan undang-undang dan peraturan berkenaan. Sistem pematuhan telah dilaksanakan yang membolehkan penilaian diri secara tetap oleh kakitangan dan pelaporan yang memberikan pengurusan dan Lembaga jaminan bahawa kakitangan menyedari dan mematuhi syarat-syarat berperaturan. Satu proses telah disediakan bagi menyeragamkan amalan ini di seluruh Kumpulan AmBank. Latihan kesedaran pematuhan dijalankan secara tetap untuk memastikan kakitangan sentiasa mengikuti perkembangan perbankan, insurans, sekuriti dan pengubahan wang haram serta pembangunan berperaturan lain. Program latihan membantu kakitangan untuk membangunkan kemahiran mereka untuk menangani isu-isu pematuhan sambil membudayakan etika korporat yang baik.